mereka terutama semasa mereka bersendirian atau belajar pada waktu malam. Selain itu, prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar yang menghadapi halusinasi kronik semakin menurun dan merosot. Keadaan ini disebabkan oleh sikap pelajar yang suka ponteng sekolah dan banyak meninggalkan sesi pembelajaran dan pengajaran guru. Ketidakhadiran ini berlaku disebabkan oleh gangguan halusinasi. Penyakit atau gangguan ini akan datang kepada pelajar tersebut secara tiba-tiba dan berkala. Oleh yang demikian, kesakitan dan kemurungan akan dialami oleh pelajar tersebut.

Keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan impian dan matlamat dalam misi dan visi sebagai seorang guru. Kebanyakan para pendidik bersepakat mengatakan bahawa gangguan halusinasi ini boleh menyebabkan gangguan terhadap pembelajaran aras tinggi (Zulkifli, 2018). Sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Ismail Jusoh (1998) dalam pendidikan sains menunjukkan bahawa sains adalah suatu pembelajaran berkaitan fakta-fakta sains yang menunjukkan bahawa pembelajaran pelajar diperoleh melalui soalan “Apa?”, sedangkan proses sains pula menjawab persoalan “Bagaimana?”. Melalui pernyataan ini, semua pelajar perlu menggunakan akal yang waras untuk menguasai ilmu sains tersebut dan keadaan ini sangat bertentang dengan kemampuan pelajar yang berhalusinasi yang tidak mampu untuk melakukan proses pembelajaran yang memerlukan proses pemikiran yang tahapnya sangat tinggi.

Oleh itu, rangkuman daripada fakta sains dan psikologi bahawa halusinasi ini adalah satu penyakit yang boleh menyebabkan gangguan pada proses pembelajaran. Menurut Naqvi (2008), seseorang dewasa yang normal biasanya mereka berkelip enam





hingga 12 kali seminit, tetapi pesakit halusinasi yang kronik menunjukkan tingkah laku berkelip-kelip sebanyak 60 hingga 80 kali seminit.

Halusinasi merupakan satu gangguan yang wujud dalam pembelajaran di sekolah terutama di sekolah menengah. Individu yang mengalami halusinasi sering kali beranggapan bahawa sumber atau penyebab halusinasi itu berasal daripada lingkungan pemikiran mereka, tetapi sebenarnya ia merupakan rangsangan primer daripada halusinasi yang memerlukan perlindungan diri secara psikologi terhadap kejadian traumatik yang berkaitan dengan rasa bersalah, rasa sepi, marah, rasa takut ditinggalkan oleh orang yang dicintai, tidak dapat mengendalikan dorongan ego, fikiran, dan perasaannya sendiri (Kelliat, 1998).



Memahami konsep halusinasi berdasarkan gejala fenomenologi adalah penting.

Berdasarkan hasil temu bual pesakit halusinasi melalui kaedah persempadanan *Kraepelin Praecox Demensia* dan manik-depresif penyakit menunjukkan bahawa psikosis (gangguan jiwa yang teruk) telah dibahagikan kepada dua kumpulan am iaitu Psikosis Organik (contohnya penyakit Alzheimer, psikosis epilepsi) dan Fungsi Psikosis yang merujuk kepada patologi otak atau gangguan yang dirakamkan oleh *electrophysiological* atau metabolik dalam psikosis organik (Naqvi, 2008). Pembentukan tingkah laku individu yang berkaitan dengan individu yang berhalusinasi boleh didapati melalui kajian *International Classification of Discasions* (ICD-10) dan DSM -5 (2013). Kendell (1975) dan Naqvi (2008) menyatakan secara umumnya bahawa tiada ujian tunggal dalam menentukan kesahihan konsep penyakit atau klasifikasi diagnostik dalam bidang psikiatri. Dengan demikian, gangguan halusinasi





yang terhasil melalui penyakit skizofrenia tidak boleh dikesan secara tepat melalui ujian-ujian yang dinyatakan.

Dalam satu kajian di United Kingdom ke atas kira-kira 15,000 orang kanak-kanak yang dilahirkan pada bulan Mac 1958 (terutamanya kanak-kanak lelaki) telah dikesan mengalami halusinasi dan skizofrenia ketika mereka dewasa. Keadaan ini merujuk kepada guru-guru di sekolah yang telah mengesan masalah pelajar tersebut bermula pada usia tujuh tahun. Ujian IQ dijalankan ke atas kanak-kanak tersebut dan mendapati nilai IQ lima hingga sepuluh mata yang mereka peroleh dalam ujian tersebut menunjukkan lebih rendah berbanding rakan-rakannya yang lain. Selain itu, mengikut ujian saraf, kanak-kanak ini menunjukkan perkembangan fizik dan aktiviti saraf yang lambat. Kanak-kanak ini juga tidak mampu menyesuaikan diri dengan rakan-rakan atau persekitarannya di sekolah. Manakala, kanak-kanak perempuan yang mengalami gejala skizofrenia lebih lambat berbanding kanak-kanak lelaki. Gejala gangguan ini telah dikesan terhadap kanak-kanak perempuan bermula usia belasan tahun, di mana mereka sering kali mengalami keadaan tertekan pada umur tersebut (Naqvi, 2008).

Menurut kepercayaan agama Islam berdasarkan al-Quran dan hadis, punca terjadinya halusinasi juga disebabkan oleh kepercayaan spiritual yang melibatkan gangguan kerohanian. Kepercayaan spiritual ialah kepercayaan tentang alam ghaib atau makhluk halus, iaitu jin menjadi penyebab kepada gangguan kerohanian yang boleh membawa kepada halusinasi. Kewujudan jin ini diceritakan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran seperti dalam surah al-Jin, ayat 6:





Ertinya: *"6. Dan bahawasanya ada beberapa orang laki-laki dalam kalangan manusia meminta perlindungan kepada beberapa laki-laki dalam kalangan jin. Maka jin-jin itu menambah bagi mereka dosa dan kesalahan."*

(Surah al-Jin, ayat 6)

Berdasarkan ayat al-Quran Surah al-Jin, kehadiran jin menjadi punca utama kepada berlakunya halusinasi dan ini adalah amalan masyarakat Arab zaman jahiliah dahulu yang telah ceritakan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran. Amalan ini juga menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat kini yang meminta pertolongan daripada jin untuk melakukan sesuatu kerja yang kotor seperti menyakiti orang lain kerana bersifat dengki dan irihati terhadap seseorang.



Ertinya: *"102. Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa kerajaan Sulaiman (dan mereka mengatakan bahawa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan-syaitan lah yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil iaitu Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorang pun sebelum mengatakan: "Sesungguhnya kami Hanya cubaan (bagi mu), sebab itu janganlah kamu kafir." Maka mereka mempelajari daripada kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan isterinya dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudarat dengan sihirnya kepada seorang pun, kecuali dengan izin Allah S.W.T dan mereka mempelajari sesuatu yang tidak memberi mudarat kepadanya dan tidak memberi manfaat. Demi, sesungguhnya mereka telah meyakini bahawa barang siapa yang menukarnya (Kitab Allah S.W.T) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat, dan amat jahatlah perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, kalau mereka mengetahui."*

(Surah al-Baqarah, ayat 102)





Secara umumnya, kaedah untuk mengatasi masalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku daripada negatif kepada positif telah dibincangkan oleh pengkaji terdahulu. Modul penyucian jiwa yang telah diperkenalkan oleh Kamaruzzaman Jalaluddin (2015) dalam bukunya yang bertajuk “Teori Kaunseling Bina Jiwa” yang sepenuhnya kaedah psikologi kaunseling yang berlandaskan Islam. Dalam buku ini menceritakan kaedah terapi terhadap manusia yang mengalami masalah gangguan tingkah laku serta kaedah penyucian jiwa untuk mengubatnya serta mencari jalan menangkis serangan yang berulang dalam konteks psikologi kaunseling. Teori ini juga berpandukan pandangan teori Imam al-Ghazali dan al-Quran sebagai asas rujukan utama dalam membentuk kaunseling Islam yang sebenar.

Secara umumnya, buku Teori Kaunseling Bina Jiwa ini terhasil daripada kajian terhadap al-Quran sepenuhnya. Visi dan misi teori psikologi kaunseling ini berpandukan huraian surah al-Fatihah ayat 1-5, surah al-Baqarah ayat 6-16, serta mengikuti tokoh ikutan bagi teori ini adalah Nabi Muhammad S.A.W. Kaedah dan pendekatan yang digunakan ini adalah berlandaskan Islam sepenuhnya bagi menyucikan jiwa serta membentuk tingkah laku manusia secara pendekatan Islam.

Selain itu, terdapat juga modul yang telah diperkenalkan oleh Masyira Yahaya (2015) yang berkaitan dengan psikologi Islam iaitu modul bertajuk “*Bimbingan Muhasabat al-Nafs (E-MAN)*.” Dalam modul ini, penekanan terhadap perubahan tingkah laku yang melibatkan kes salah laku pergaduhan dalam kalangan pelajar. Konsep yang diterapkan dalam modul ini juga berkaitan dengan pendekatan Islam, iaitu menitikberatkan tentang solat, amalan wajib serta amalan-amalan agama sebagai asas dalam pembentukan peribadi yang baik. Ia juga berpandukan kepada Imam al-Ghazali





serta al-Quran sebagai asas pembentukan modul ini bagi mewujudkan tingkah laku yang positif dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan al-Quran, al-Hadis, Imam al-Ghazali serta modul-modul yang telah diperkenalkan oleh pengkaji yang terdahulu, maka penyelidik telah mereka bentuk satu modul baharu yang bernama “*Tazkiyatun Nafs*” dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan membantu pelajar yang menghadapi gangguan halusinasi yang disebabkan oleh gangguan jin dan syaitan. *Tazkiyatun Nafs* ini berkisarkan tentang amalan wajib seperti solat serta amalan sunat yang harus dilakukan bagi menyucikan jiwa mereka apabila menghadapi serangan daripada jin dan syaitan yang boleh menyebabkan halusinasi.



Selain itu, terdapat juga amalan zikir *Thorikat* yang dinamakan “*Thorikat Ahmadiyah*” yang diperkenalkan dalam kajian ini bersama dengan modul *Tazkiyatun Nafs* ini. *Thorikat* itu bermaksud jalan menuju kepada Allah S.W.T. *Thorikat* ini merupakan amalan yang pernah dilakukan oleh salafusolih yang terdahulu seperti “Tok Kenali”. Tok Kenali juga dikenali sebagai “Tok Wali” atau “Tok Keramat”. Kaedah ini digunakan untuk mencari jalan bagi mendekatkan diri kepada Allah S.W.T serta mencari keredaan Allah S.W.T. Konsep penyucian jiwa yang diperkenalkan dalam kajian ini iaitu modul *Tazkiyatun Nafs* juga membincangkan kaedah membersihkan diri dan hati. Modul *Tazkiyatun Nafs* ini adalah susunan amalan umum dan khusus bagi sesiapa yang menghadapi masalah gangguan jin dan syaitan yang boleh membawa kepada gangguan halusinasi.





Secara dasarnya, kesimpulan yang boleh dibuat bahawa halusinasi merupakan satu penyakit atau gangguan yang sangat mengganggu dan menyakiti serta boleh menyebabkan pencapaian pelajar di sekolah merosot. Oleh itu, memang wajar dan sepatutnya kajian ini dilakukan bagi mencari jalan penyelesaian dan cara mengatasi bagi mengelakkan pelajar yang menghadapi halusinasi ini terus terpinggir dan tertinggal dalam pendidikan di negara ini. Dengan demikian, pengkaji akan menggunakan modul *Tazkiyatun Nafs* sebagai instrumen untuk membentuk tingkah laku yang positif dalam kalangan pelajar yang menghadapi masalah gangguan halusinasi ini. Selain itu, kajian ini juga perlu kerana dapat mencari jalan untuk mengelakkan pelajar lain yang tidak menghadapi halusinasi ini menerima kesan atau impak daripada pelajar yang mengalami halusinasi ini. Dengan demikian, kajian ini perlu dilakukan oleh pengkaji bagi membantu guru-guru dan kaunselor di sekolah menengah mengatasi masalah halusinasi dalam kalangan pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Halusinasi sentiasa dikaitkan dengan penyakit skizofrenia. Masyarakat masih memandang hina terhadap pesakit halusinasi yang sering digelar sebagai ‘orang gila’. Justeru, penghidap skizofrenia sering terpinggir dalam masyarakat. Di Amerika Syarikat sendiri, kajian membuktikan bahawa daripada 1,000 orang terdapat tiga orang adalah penghidap skizofrenia statistik secara rawak. Halusinasi merupakan *symptom* kepada penyakit skizofrenia. Oleh itu, masalah halusinasi sudah menjadi satu masalah yang perlu ditangani oleh semua pihak terutama halusinasi dalam kalangan pelajar di





negara ini. Masalah halusinasi ini terutamanya dalam masalah pembelajaran pelajar, salah laku, keciciran pelajar serta persekitaran pelajar harus dititikberatkan.

1.3.1 Masalah Pembelajaran

Pembelajaran merupakan proses perubahan tingkah laku yang berlaku di sekolah. Menurut Seman Salleh (2007), pembelajaran adalah proses atau kegiatan belajar yang berlaku dalam pelbagai bentuk. Menurut Seman Salleh (2007), pembelajaran melibatkan pemerolehan dan pengubahsuaian pengetahuan, kemahiran, strategi, kepercayaan dan tingkah laku. yang menjadi tempat pembelajaran. Dalam pembelajaran terdapat pelbagai masalah terutama bagi mereka yang mengalami halusinasi. Berdasarkan tinjauan awal pengkaji di Malaysia, dalam masalah halusinasi ini terhadap beberapa buah sekolah di Utara Semenanjung Malaysia menunjukkan bahawa gejala halusinasi ini memang wujud di setiap sekolah menengah.

Menurut Sabri (2015), dalam sesi temu bual dengan guru kaunselor di sekolah menengah menunjukkan purata statistik pelajar yang mengalami halusinasi ini antara dua hingga sepuluh orang pelajar pada setiap tahun. Daripada jumlah ini sudah memadai bagi sesebuah sekolah itu menghadapi masalah pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar sekolah tersebut. Berdasarkan Sabri (2015), prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar yang menghadapi halusinasi kronik juga semakin menurun dan merosot. Ini semua disebabkan oleh tindakan pelajar meninggalkan sesi pembelajaran dan pengajaran guru serta tidak hadir ke sekolah apabila gangguan halusinasi ini menyerang. Gangguan ini akan datang kepada pelajar tersebut secara tiba-tiba dan





berkala. Setiap kali gangguan halusinasi ini menyerang ia menyebabkan pelajar tersebut terpaksa bercuti sekolah untuk beberapa hari kerana mengalami kesakitan atau kemurungan.

Menurut Sabri (2015), pencapaian pelajar dalam mata pelajaran juga turut merosot setelah perbandingan dilakukan antara ujian bulan Mac 2015 dengan ujian bulan Mei 2015. Perbandingan prestasi pelajar tersebut, menunjukkan bahawa pelajar yang menghadapi halusinasi haruslah diberi perhatian oleh pihak sekolah supaya masalah kemerosotan prestasi pelajar tidak berlaku.

Selain itu, terdapat juga gangguan pembelajaran yang sangat serius berlaku kepada pelajar yang mengalami halusinasi ini sehinggakan pencapaian mereka dalam tingkatan juga amat merosot. Menurut Sabri (2015), keputusan pencapaian pelajar yang berhalusinasi tersebut yang seramai tiga orang telah dipilih menunjukkan bahawa responden pertama mempunyai kedudukan dalam kelas pada bulan Mei 2015 yang sangat rendah, iaitu kedudukan ke-20 daripada 22 orang jumlah keseluruhan pelajar dalam tahun tersebut. Responden kedua juga mempunyai kedudukan dalam kelas pada bulan Mei 2015 yang sangat rendah iaitu kedudukan ke-18 daripada 22 orang jumlah keseluruhan pelajar dalam tahun tersebut.

Manakala responden ketiga mempunyai kedudukan dalam kelas pada bulan Mei 2015 sederhana, iaitu kedudukan ke-6 daripada 22 orang jumlah keseluruhan pelajar dalam tahun tersebut. Secara keseluruhannya, gangguan halusinasi ini sangat memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar di sekolah. Keadaan ini sangat membimbangkan ibu bapa dan guru yang mengharapkan anak-anak mereka cemerlang



di sekolah (Sabri, 2015), tetapi apa yang berlaku adalah perkara yang sebaliknya. Kemerosotan dalam pencapaian ini menjadi idea utama dalam kajian ini yang sememangnya sangat perlu kajian ini dilakukan bagi membantu pelajar-pelajar yang menghadapi halusinasi ini untuk bersaing dengan pelajar lain dalam pendidikan.

Oleh yang demikian, halusinasi ini amat mengganggu dan menyebabkan pencapaian pelajar di sekolah merosot. Memang wajar dan sepatutnya penyelidikan ini dilakukan bagi mencari jalan penyelesaian dan cara mengatasi bagi mengelakkan pelajar yang menghadapi halusinasi ini terus terpinggir dan tertinggal dalam arus pendidikan di negara ini. Selain itu, penyelidikan ini juga perlu kerana dapat mencari jalan untuk mengelakkan pelajar lain yang tidak menghadapi halusinasi ini menerima tempias atau impak daripada pelajar yang mengalami halusinasi ini. Dengan demikian, kajian ini perlu dilakukan oleh pengkaji bagi membantu guru-guru dan kaunselor di sekolah menengah mengatasi masalah gangguan halusinasi dalam kalangan pelajar.

1.3.2 Masalah Salah Laku dalam Kalangan Pelajar yang Mengalami Halusinasi

Salah laku dalam kalangan pelajar yang mengalami gangguan halusinasi ini amat serius terutama dalam kalangan pelajar yang berhalusinasi apabila pelajar menggunakan bahan-bahan yang memabukkan seperti daun ketum dan dadah (Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pelajaran Negeri Perlis, 2015). Berdasarkan statistik daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2010, menyatakan pelajar sekolah menengah yang terlibat dengan salah laku jenayah



sebanyak 0.16 peratus, salah laku lucah sebanyak 0.03 peratus, tidak menepati masa sebanyak 0.27 peratus, kurang sopan sebanyak 0.26 peratus, ponteng sekolah 0.21 peratus dan sebagainya (Mashira Yahaya, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa masalah salah laku berlaku dalam kalangan pelajar yang berhalusinasi tanpa disedari oleh pelajar tersebut atas kesalahan yang dilakukan oleh mereka itu.

Menurut Eric (2012), kadar halusinasi berbeza sehingga tiga kali ganda bergantung pada bagaimana ia ditakrifkan. Kira-kira 20,000 orang pesakit mental yang teruk hidup di Indonesia. Ketidaktahuan masyarakat mengenai penyakit halusinasi ini, kekangan ekonomi serta kesukaran akses untuk mendapat rawatan bagi penyakit ini terutama pesakit di luar bandar serta kos bayaran yang mahal mengakibatkan hanya beberapa orang yang menerima rawatan. Menurut Eric (2012) lagi, pesakit sering kali bersikap agresif, emosi, paranoid dan memusuhi orang lain. Keadaan ini menunjukkan ciri-ciri gangguan mental yang teruk dan ada pihak yang telah memulaukan keluarga mereka yang mengalami gangguan mental ini.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Badrul Zaman Baharom (2006), Fatimah Ali (2007) dan Sharifah Raudah Syed Junid (2007), pelajar sekolah menengah turut terlibat dalam masalah salah laku yang berisiko tinggi seperti jenayah, berkhawat, penyalahgunaan dadah, menghidu gam dan pil khayal. Semua ini boleh berlaku apabila pelajar ini berada dalam keadaan separuh sedar atau berhalusinasi yang boleh membawa kepada berlakunya jenayah tersebut. Menurut Mashira Yahaya (2015), perubahan tingkah laku negatif pelajar sangat membimbangkan pihak sekolah dan ibu bapa.





Masyarakat masih menganggap halusinasi sebagai "penyakit" yang disebabkan oleh iblis atau sumpahan dan bukannya suatu penyakit fizikal biasa. Hal ini mengakibatkan usaha perubatan secara perubatan moden ditolak oleh keluarga. Hasil kajian yang dijalankan oleh Persatuan Penyelidikan Kesihatan 2007 Kementerian kesihatan Indonesia menunjukkan jumlah pesakit halusinasi di Indonesia mencapai 0.46 peratus atau kira-kira 1 juta orang. Jumlah pesakit tertinggi adalah di Jakarta (2.03 peratus), Aceh (1.9 peratus) dan Sumatera Barat (1.6 peratus). Kesan halusinasi ini bukan sahaja terhadap pelajar, namun keluarga mereka juga turut merasai kesan gangguan ini seperti penurunan kemampuan fizik. Gangguan halusinasi ini menyebabkan pelbagai isu sosial yang terdiri daripada perceraian, bunuh diri, pergaduhan, keganasan rumah tangga, isu ketagihan dadah, pengangguran, dan kemiskinan (Naqvi, 2008).



Selain itu, terdapat juga saranan untuk membina tingkah laku yang baik dalam menangani masalah salah laku akibat daripada gangguan halusinasi ini. Menurut Sapora Sipon (2010), Asmak Ali (2006) dan Azizi Yahaya (2012), membina tingkah laku yang baik dan bertatasusila adalah melalui kesedaran dalam diri pelajar itu sendiri di samping dibantu oleh guru dalam kelas dan masyarakat sebagai usaha untuk mengatasi masalah salah laku pelajar tersebut. Menurut Azizi Yahaya (2012), pelajar yang mempunyai kesedaran sendiri yang rendah akan mudah terlibat dalam gejala yang merosakkan diri.

Oleh itu, konsep pembinaan konsep sendiri adalah penting kerana konsep ini memberi impak yang besar terhadap tingkah laku dan akhlak seorang pelajar (Mashira Yahaya, 2015). Dengan demikian, masalah perubahan tingkah laku pelajar ini berkait





rapat dengan masalah gangguan halusinasi yang boleh membawa kepada tingkah laku negatif jika tidak dikawal dan dibantu oleh guru, ibu bapa dan masyarakat. Tingkah laku positif dan negatif merupakan tingkah laku yang terhasil daripada jiwa dan hati manusia. Segala perbuatan ini tidak terlepas dari pengawasan Allah S.W.T, masyarakat dan pihak berkuasa (Auni Abdullah, 2000). Berdasarkan hadis yang diutarakan oleh al-Ghazali, hadis daripada Nabi Muhammad S.A.W yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar R.A menunjukkan terdapat pengawasan dan pemerhatian dari Allah S.W.T di setiap perbuatan yang kita lakukan sama ada sedar atau tidak, berhalusinasi atau tidak, semuanya akan diperiksa oleh Allah S.W.T di akhirat nanti (Mashira Yahaya, 2015). Hadis tersebut bermaksud:

“Apabila Allah S.W.T hendak menyeksa suatu kaum, maka orang-orang yang tidak bersalah berada bersama mereka, akan terkena musibah itu. Kemudian mereka akan dibangkitkan (hari kiamat) menurut amal mereka (baik atau buruk)”

(Shahih Muslim; 2453)

Berdasarkan pernyataan tersebut, masalah perubahan tingkah laku negatif atau salah laku dalam kalangan pelajar yang menghadapi halusinasi sangat membimbangkan dan perlukan perhatian dan didikan yang sewajarnya daripada guru, masyarakat dan hukum-hukum Allah S.W.T yang menjadi teras kepada perubahan tingkah laku dan kesembuhan dalam penyakit yang sukar diubati dan menjadi isu dalam pendidikan sekarang (Sabri, 2015). Oleh itu, kajian ini amat perlu dilakukan supaya dapat mencari jalan penyelesaian dalam menangani masalah ini. Menurut Sabri (2015), salah laku yang serius juga berlaku akibat daripada penyakit halusinasi ini adalah seperti suka ponteng kelas, selalu tidak hadir ke sekolah, malas dan suka tidur semasa





guru mengajar. Kelakuan dan sikap yang negatif ini akan mengundang pelbagai masalah seperti masalah disiplin, masalah pembelajaran dan akhirnya membawa kepada kegagalan dalam meningkatkan prestasi dalam pencapaian akademik.

Oleh yang demikian, kajian ini sememangnya perlu dilakukan agar salah laku negatif ini dapat dihindari dan dapat menyelamatkan pelajar dari terus dibelenggu masalah yang akhirnya membawa kepada tindakan disiplin oleh pihak sekolah dan akhirnya mereka ini terpinggir dari arus perdana pendidikan di negara ini.

1.3.3 Keciciran Pelajar di Sekolah



Halusinasi merupakan penyakit yang sukar dikesan dengan mata kasar dan sukar untuk diselia oleh mana-mana pihak kerana ia merupakan penerapan tanpa ada rangsangan apa pun pada pancaindera seorang pesakit yang terjadi dalam keadaan sedar atau bangun (Maramis, 1995). Oleh itu, keadaan ini sangat memberi kesan kepada pesakit dari segi mental dan jiwa (Kelliat, 1998).

Keciciran pelajar yang berhalusinasi berlaku di sekolah menengah berdasarkan tinjauan awal pengkaji di lima buah sekolah menengah di Utara Semenanjung Malaysia. Menurut Sabri (2015), jumlah hari persekolahan yang tidak dihadiri oleh pelajar yang mengalami masalah gangguan halusinasi sangat banyak dan membimbangkan pihak sekolah. Butiran responden tentang ketidakhadirannya seperti Jadual 1.1.



Jadual 1.1

Masalah Keciciran Pelajar Berhalusinasi di Sekolah

Bil	Responden	Jumlah Hari Persekola han	Jumlah Tidak Hadir Mengikut Bulan				Keselur uhan Tidak hadir	Peratus Kehadira n
			Jan	Feb	Mac	Apr		
1.	Responden 1	69	3	2	4	3	12	82.6
2.	Responden 2	69	2	0	7	4	13	81.2
3.	Responden 3	69	1	5	3	5	14	79.7
4.	Responden 4	69	0	4	4	4	12	82.6
5.	Responden 5	69	4	5	3	2	14	79.7
6.	Responden 6	69	3	1	3	2	9	87.0
7.	Responden 7	69	2	4	3	3	14	79.7
8.	Responden 8	69	1	2	4	2	7	89.9
9.	Responden 9	69	3	3	2	1	9	87.0
10.	Responden 10	69	2	4	2	2	10	85.5

Berdasarkan Jadual 1.1, berlaku keciciran kehadiran yang serius berlaku dalam kalangan pelajar yang mengalami halusinasi. Dengan demikian, adalah wajar kajian ini harus dijalankan bagi membantu pelajar yang menghadapi gangguan halusinasi bersekolah seperti pelajar normal yang lain. Keciciran ini berlaku bukan sesuatu perlakuan yang disengajakan namun sesuatu tindakan atau kesan yang berlaku apabila penyakit halusinasi ini menyerang dengan tanpa mengira masa terutamanya serangan halusinasi yang disebabkan oleh serangan makhluk halus (Sabri, 2015). Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2015), jumlah hari persekolahan penuh setahun ialah

lebih kurang 194 hari. Data yang dinyatakan ini hanyalah $\frac{1}{4}$ daripada jumlah hari persekolahan sebenar.

Data keciciran pelajar yang amat serius di sekolah dalam kalangan pelajar yang berhalusinasi seperti Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Keciciran Pelajar yang Serius Akibat Penyakit Halusinasi

Bil	Responden	Jumlah Hari Persekolahan	Jumlah Tidak Hadir	Jumlah Kehadiran	Peratus Kehadiran
1.	Responden 1	88	29	59	67.0
2.	Responden 2	88	66	22	25.0
3.	Responden 3	88	64	24	27.3

Berdasarkan Jadual 1.2, keciciran pelajar di sekolah akibat penyakit halusinasi ini amat serius dan perlu ditangani segera. Data yang diperoleh ini ialah tentang kehadiran pelajar tersebut bermula dari Januari hingga Jun 2015.

1.3.4 Gangguan Jin dan Makhluk Halus Penyebab Halusinasi

Jin merupakan makhluk halus yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T dalam unsur yang tidak boleh dilihat menggunakan deria mata atau disentuh dengan deria sentuhan secara nyata dan realiti. Namun, kehadiran jin dan makhluk halus seperti syaitan dan iblis ini dapat dirasakan dan dilihat menggunakan penglihatan hati yang telah



dianugerahkan oleh Allah S.W.T. Dalam masalah gangguan halusinasi, jin dan makhluk halus yang lain juga menjadi penyebab utama dalam masalah ini.

Menurut Hanafi Abdul Rahman (2011), dalam kuliah syariah Islamiahnya di Kaherah, Mesir menyatakan sebab-sebab berlakunya gangguan makhluk halus yang boleh membawa kepada halusinasi, iaitu:

- i) Mempunyai pertahanan diri yang lemah.
- ii) Perasaan takut menguasai diri atau lemah semangat.
- iii) Sifat dengki dan permusuhan antara anak Adam sama ada secara disedari atau tidak. Orang yang bermusuhan itu mengupah bomoh untuk mengkhianati dan menyakiti musuhnya. Sering kali juga berlaku permusuhan antara peramal perubatan seperti bomoh dan mereka yang akan menyihir musuhnya itu.
- iv) Wujud dendam antara manusia akibat tidak tercapai sesuatu hajat seperti peminangan ditolak, memungkiri janji, dikhianati atau sebaliknya.

Jahid Sidek (2012) menyatakan iblis, syaitan dan anak cucunya merupakan punca kepada gangguan halusinasi serta penyakit yang melibatkan kerasukan. Keadaan ini disokong melalui firman Allah S.W.T dalam al-Quran yang telah mengingatkan manusia tentang bahaya iblis, syaitan dan anak cucu Adam serta menjadi punca pelbagai penyakit manusia. Allah S.W.T berfirman dalam al-Quran surah al-A'raaf, ayat 27:



Ertinya: “27. *Hai anak Adam, janganlah sekali-kali kamu dapat ditipu oleh syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa mu dari syurga, ia menanggalkan daripada keduanya pakaiannya untuk memperlihatkan kepada keduanya 'auratnya. Sesungguhnya ia dan pengikut-pengikutnya melihat kamu dan suatu tempat yang kamu tidak boleh melihat mereka. Sesungguhnya kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu pemimpin bagi orang-orang yang tidak beriman.*”

(Surah al-A'raaf, ayat 27)

Berdasarkan firman Allah S.W.T dan pandangan para ulama jelas menunjukkan bahawa penyebab kepada halusinasi itu ialah jin, iblis dan syaitan. Dalam hal ini, pelajar tidak terkecuali daripada apa yang disebutkan di atas tadi. Terdapat beberapa bentuk gangguan iblis dan jin dalam masalah ini seperti santau, polong, hantu raya, jembalang tanah, dewi-dewi (berterbangan di udara), hantaran-hantaran yang ditanam di tempat tertentu dan gangguan makhluk-makhluk (ghaib) yang berupa penunggu sesuatu tempat. Menurut Hanafi Abdul Rahman (2011), bagaimana caranya untuk mengesan kehadiran gangguan ini, iaitu melalui mimpi, penjelasan mengenai bentuk gangguan, waktu, masa dan ketika.

Menurut Tengku Fariduddin (2013), terdapat beberapa tanda yang boleh dilihat terhadap seseorang itu apabila mengalami masalah gangguan halusinasi yang disebabkan oleh jin dan iblis. Tanda-tanda tersebut seperti berikut:

- i) Batuk yang berlarutan, kadang-kadang batuk berdarah dan bernanah, dan keluar debu-debu kecil seperti serbuk kaca.
- ii) *Istihadah* yang berpanjangan bagi wanita sehingga satu hingga tiga bulan atau lebih.



- iii) Sakit tulang belakang terutamanya pada waktu Maghrib dan malam Jumaat. Kadang-kala sakit menjadi-jadi semasa hendak masuk waktu solat Jumaat.
- iv) Sakit sesak nafas terutama waktu Maghrib.
- v) Lenguh seluruh anggota badan.
- vi) Kuku menjadi hitam dan nafas menjadi busuk.
- vii) Mimpi jatuh dari tempat yang tinggi.
- viii) Mimpi bahan-bahan yang mendatangkan miang seperti buluh dan ulat bulu.
- ix) Mimpi bermain dengan benda tajam seperti pisau dan sembilu.
- x) Mimpi kanak-kanak kecil seperti menyusukan kanak-kanak tersebut.
- xi) Mimpi binatang yang menakutkan seperti ular.
- xii) Mimpi makan makanan kotor seperti bangkai dan babi.
- xiii) Mimpi paderi Kristian, sami Budda atau mimpi pergi ke tempat ibadat agama bukan Islam.
- xiv) Sentiasa sakit pada tulang belakang.
- xv) Bawah matanya kebiruan (seperti orang tak cukup tidur). Semua tanda-tanda ini adalah hampir sama seperti mereka yang menghadapi gangguan halusinasi yang disebabkan oleh gangguan psikosis atau skizofrenia.

Menurut Tengku Fariduddin (2013), kesan yang dapat dilihat bila seseorang itu terkena gangguan yang boleh membawa kepada halusinasi yang kronik serta mempunyai masalah kesihatan yang kronik. Kesan ini juga boleh membawa seseorang itu kepada kematian atau maut tanpa dapat mengetahui punca penyakit yang dialami





oleh mereka yang terkena gangguan ini. Gangguan ini juga dikenali sebagai santau atau sihir yang sangat berbahaya serta dapat mengganggu pembelajaran serta corak kehidupan seseorang atau pelajar yang terkena gangguan jin dan syaitan ini. Kesan tersebut seperti berikut:

- i) Hilang daya ingatan.
- ii) Kulit akan menjadi merekah dan keluar air bisa dan nanah.
- iii) Tabiat akan berubah seperti seorang yang dikenali sebagai seorang bersifat yang lemah lembut menjadi seorang yang panas baran.
- iv) Badan menjadi bongkok disebabkan batuk yang berpanjangan.
- v) Badan menjadi licin kerana seluruh bulu di badan telah gugur.
- vi) Kelopak mata menjadi kehitaman akibat daripada tidur yang selalu terganggu.
- vii) Terjadinya 'saratan' atau kanser dan ketumbuhan.
- viii) Jika hamil mungkin akan mengalami keguguran.

Gangguan makhluk halus atau jin merupakan gangguan yang sukar untuk ditangani melalui perubatan moden (hospital). Namun demikian, penyakit mesti diubati dan perubatan mesti tetap diteruskan bagi mencari penyembuhan daripada kesakitan yang dialami. Menurut Rushdi Ramli dan Khadher Ahmad (2011), mencari penawar dan kesembuhan bagi penyakit adalah sebahagian dari perintah syarak (sesuatu yang dituntut secara syarak dan diberikan pahala). Terdapat banyak hadis Nabi S.A.W yang menganjurkan umat Islam agar berubat dan tidak membiarkan diri dibelenggu oleh penyakit.





Menurut Rushdi Ramli dan Khadher Ahmad (2011), Islam menitik-beratkan *al-'ilaj al-wiqa'i* (Rawatan pencegahan). Secara realitinya segala amalan-amalan harian yang disyariatkan di dalam Islam, yang wajib dan yang sunat, telah dirangkumkan pelbagai ubat dan penawar kepada penyakit manusia, rohani dan jasmani. Nabi S.A.W ada menyatakan bahawa solat adalah ubat. Terdapat banyak keterangan dan bukti sama ada daripada al-Quran atau hadis yang menerangkan secara langsung atau tidak berhubung dengan bidang perubatan di dalam Islam. Umpamanya Allah S.W.T telah menerangkan bahawa ayat-ayat al-Quran sendiri menjadi penawar kepada orang-orang yang beriman seperti mana yang Allah S.W.T berfirman dalam al-Quran Surah al-Isra', ayat 82:

Ertinya: *"82. Dan kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian."*

(Surah al-Isra', ayat 82)

Setiap penyakit ada penawar dan ubatnya menurut Islam, iaitu rawatan alternatif "Pengubatan Islam". Kaedah pengubatan Islam bukan bertujuan untuk mengambil alih peranan besar yang dimainkan oleh rawatan alopati hari ini. Hakikatnya, rawatan Islam merupakan suatu rawatan alternatif yang telah tersedia-ada sejak dari zaman Rasulullah S.A.W dan diamalkan pula oleh generasi al-salaf al-salih dan ulama besar sehingga hari ini. Ianya merupakan teknik rawatan yang turut ditekankan keperluannya oleh Islam, juga diistilahkan sebagai *al-tibb al-nabawiy*, yang melengkapi rawatan-rawatan "*valid*" yang telah tersedia ada. Ringkasnya, rawatan





pengubatan Islam merupakan suatu rawatan alternatif untuk meneruskan ikhtiar di dalam mencari kesembuhan bagi semua penyakit yang dialami oleh manusia, sama ada penyakit biasa atau pun penyakit yang belum ditemui penawarnya.

Menurut Jahid Sidek (2012), taubat dan *inabah* yang dilakukan mestilah secara terpimpin. Kegagalan taubat yang dilakukan oleh masyarakat adalah disebabkan tidak ada pemimpin. Pemimpin atau mentor dalam taubat adalah seorang alim yang mempunyai kelayakan seperti yang pernah diterangkan oleh golongan *sufiyyah*. Para sahabat yang ingin bertaubat biasanya mereka akan segera menemui Rasulullah S.A.W untuk menyatakan penyesalan diri dan keinginan mereka untuk bertaubat. Mereka juga biasanya meminta supaya Rasulullah S.A.W mendoakan dan meminta keampunan daripada Allah S.W.T untuk diri mereka. Firman Allah S.W.T dalam al-Quran surah An-Nisa, ayat 64:

Ertinya: “64. Dan kami tidak mengutus seseorang Rasul melainkan untuk ditaati dengan seizin Allah. Sesungguhnya jikalau mereka ketika menganiaya dirinya datang kepada mu, lalu memohon ampun kepada Allah dan rasul pun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.”

(Surah An-Nisa, ayat 64)

Oleh yang demikian, konsep psikologi yang berkaitan dengan masalah gangguan halusinasi amatlah perlu dititikberatkan. Pendekatan psikologi dan pendekatan Islam perlu seiring dan bersepadu untuk mengatasi masalah ini. Sebagai seorang Muslim, pendekatan “berhati-hati” di dalam proses rawatan gangguan halusinasi ini perlu dilakukan. Bagi memastikan rawatan yang dijalankan bersih sama



sekali daripada unsur-unsur sihir dan penglibatan makhluk halus jin dan syaitan sifat berhati-hati amatlah perlu. Menurut Jahid Sidek (2012), kaedah rawatan yang bertentangan dengan Islam mesti dijaui sama sekali. Terdapat beberapa bahan-bahan yang sering dikaitkan dengan pemujaan di dalam masyarakat Melayu seperti keris, tombak dan lembing seperti ini perlu dielakkan dalam proses rawatan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah kajian tentang gangguan halusinasi terhadap pelajar. Kaedah pembinaan dan pengujian *Tazkiyatun Nafs* bagi mengatasi masalah gangguan halusinasi terhadap pembelajaran pelajar di sekolah menengah telah dilakukan. Objektif umum dalam kajian ini ialah mengenal pasti *symptom* halusinasi yang disebabkan oleh makhluk halus seperti jin dan syaitan dalam kalangan pelajar yang menjadi punca gangguan dalam pembelajaran serta mencari jalan penyelesaian terhadap masalah ini.

Manakala, objektif khusus kajian ini ialah;

- i) Mengkaji pengalaman pelajar yang mengalami masalah gangguan halusinasi.
- ii) Mengkaji kesan modul *Tazkiyatun Nafs* terhadap perubahan pencapaian akademik pelajar yang mengalami gangguan halusinasi.
- iii) Mengkaji kesan modul *Tazkiyatun Nafs* terhadap perubahan tingkah laku pelajar yang mengalami gangguan halusinasi.
- iv) Mengkaji kesan modul *Tazkiyatun Nafs* terhadap perubahan pergaulan sosial dengan persekitaran pelajar yang mengalami gangguan halusinasi.



- v) Mengkaji kesan modul *Tazkiyatun Nafs* terhadap tahap perubahan kesihatan pelajar yang mengalami gangguan halusinasi.
- vi) Mendapat maklum balas tentang perubahan keadaan pelajar yang mengalami gangguan halusinasi daripada ibu bapa dan guru-guru di sekolah.

1.5 Soalan Kajian

Untuk mencapai tujuan dan objektif kajian, pengkaji akan mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kajian yang berikut;


- i) Apakah gangguan halusinasi yang dialami oleh pelajar?
- ii) Sejauh manakah kesan modul *Tazkiyatun Nafs* terhadap perubahan pencapaian akademik pelajar yang mengalami gangguan halusinasi?
- iii) Sejauh manakah kesan modul *Tazkiyatun Nafs* terhadap perubahan tingkah laku pelajar yang mengalami gangguan halusinasi?
- iv) Sejauh manakah kesan modul *Tazkiyatun Nafs* terhadap perubahan pergaulan sosial dengan persekitaran pelajar yang mengalami gangguan halusinasi?
- v) Sejauh manakah kesan modul *Tazkiyatun Nafs* terhadap tahap perubahan kesihatan pelajar yang mengalami gangguan halusinasi?
- vi) Apakah maklum balas ibu bapa dan guru-guru di sekolah tentang perubahan keadaan pelajar yang mengalami gangguan halusinasi?



1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kepada perkara yang dibincangkan dalam kajian ini, telah menghasilkan satu kerangka konseptual kajian. Kerangka konseptual ini merupakan satu cadangan perkaitan antara pemboleh ubah khusus daripada input yang terdapat dalam kajian, perjalanan atau proses kajian serta hinggalah terhasilnya dapatan yang bakal diperoleh dalam kajian ini (Tuckman, 1994). Kerangka konseptual ini adalah untuk mengkaji kajian kes yang mempunyai pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar terdiri daripada pencapaian pelajar di sekolah menengah. Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada kesan gangguan halusinasi dalam pembelajaran.

Kerangka Konseptual Kajian




Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka teori kajian ini merupakan kerangka yang telah diadaptasi daripada kerangka teori yang telah digunakan oleh Mashira Yahaya (2015) dalam kajiannya yang menggunakan pendekatan Islam dan Teori Tingkah Laku Terancang Icek Ajzen dan Teori Kohlberg. Dalam pendekatan ini terdapat elemen spiritual manusia seperti sifat-sifat manusia, akhlak manusia dan pendekatan penyucian jiwa manusia yang menjadi asas kepada pembentukan kerangka konseptual kajian ini. Selain itu juga, pendekatan ini telah digabungkan dengan pendekatan yang telah digunakan oleh pendekatan akhlak al-Ghazali dan Ibn Qayyim serta Teori Islam Kaunseling Bina Jiwa yang turut membincangkan tentang spiritual berkaitan dengan manusia. Pandangan dan pendapat tokoh-tokoh Islam ini menjadi asas kepada perbincangan dan perjalanan kajian ini sesuai dengan kajian ini yang membincangkan tentang perubahan pencapaian pelajar dalam pelajaran hasil gangguan halusinasi serta melibatkan perubahan tingkah laku negatif kepada tingkah laku positif pelajar.





Rajah 1.2. Kerangka Teori Kajian. Diadaptasi daripada Kajian Mashira Yahaya (2015), Kesan Bimbingan Muhasabat al-Nafs (E-Man) Terhadap Pelajar Salah Laku



1.7 Kepentingan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian ini, diharap dapat memberikan maklumat kepada guru tentang kepentingan dalam mengawal dan menguruskan pelajar yang menghadapi masalah halusinasi. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi perhatian kepada Kementerian Pendidikan dan sekolah supaya menyediakan kelengkapan yang secukupnya untuk pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi pelajar yang menghadapi masalah ini terutama di sekolah menengah harian biasa atau sekolah berasrama penuh.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru memahami dan mengetahui kelemahan dan kesalahan pelajar yang menyebabkan terjadinya gangguan halusinasi serta dapat mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi mengawasi dan mentadbir pelajar. Setelah kelemahan ini dapat dikenal pasti, maka guru dapat memperbaiki teknik pengajaran dan kaedah yang sesuai untuk sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan lebih berkesan.

Kajian ini juga diharapkan dapat menyuntik kesedaran dalam kalangan pelajar secara dalaman untuk menangani masalah pembelajaran, salah laku negatif serta masalah keciciran di sekolah yang disebabkan oleh gangguan halusinasi ini. Keadaan ini juga boleh meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar yang terlibat untuk melakukan dan mengamalkan kebaikan dalam kehidupan seperti memperbanyakkan amal agama serta mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dengan lebih bermakna.





Selain itu, kajian ini dapat membantu pelajar-pelajar lain supaya menjadikan gangguan halusinasi sebagai pengajaran bagi mereka yang belum mendapat gangguan ini. Kesedaran dalaman yang tinggi dalam menangani masalah ini akan memberi impak yang sangat bermakna serta dapat menambahkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar apabila mereka melihat sendiri kesan yang timbul daripada gangguan halusinasi ini.

Membantu guru-guru terutama jawatankuasa disiplin sekolah dan kaunseling supaya mencari jalan alternatif untuk menangani masalah yang timbul dan dapat mengambil tindakan yang cepat dan selamat semasa menguruskan pelajar yang mengalami gangguan ini. Guru-guru merupakan ibu bapa kedua kepada pelajar (Mashira Yahaya, 2015) yang diharapkan dapat membentuk pelajar dari segi sahsiah dan personaliti menjadi insan yang seimbang sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Hasil kajian juga dapat membantu pihak pentadbir sekolah untuk membantu pelajar yang mengalami gangguan halusinasi melalui penganjuran program keagamaan, motivasi serta program keinsafan diri untuk pelajar-pelajar yang terjebak dengan dunia keganasan, kegilaan kepada perkara-perkara yang memabukkan dan mengkhayalkan seperti daun ketum dan dadah yang membawa kepada gangguan halusinasi. Melalui program seperti ini dapat membantu mereka kembali kepada jalan yang benar dan betul. Dengan demikian, sedikit sebanyak dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran dan mengelakkan diri daripada melakukan salah laku negatif selepas ini.





1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai banyak batasan-batasan kajian yang perlu dilalui oleh penyelidik. Kesukaran dalam menjalankan kajian ini menjadikan penyelidik lebih prihatin dan bersemangat untuk meneruskan kajian ini dengan jayanya.

Batasan yang pertama ialah masalah jangka masa kajian. Jangka masa kajian yang terhad. Jangka masa yang dimaksudkan ini ialah waktu untuk bertemu dan membuat urusan rasmi dengan responden hanyalah waktu persekolahan sahaja seperti waktu untuk temu bual, waktu untuk membuat rawatan dan waktu untuk mendapatkan segala maklumat tentang gangguan yang dialami oleh responden. Selain itu, kekangan kerja dan masa penyelidik juga menjadi batasan dalam kajian ini. Gangguan ini jarang berlaku pada masa persekolahan, kebiasaannya berlaku pada waktu maghrib atau malam bagi pelajar yang menghadapi gangguan makhluk halus (Sabri, 2015). Oleh itu, data atau dapatan kajian ini kurang mencapai objektifnya kerana penyelidik tidak dapat melakukan kajian secara menyeluruh.

Kedua; kajian ini juga sangat terbatas dari segi hasil yang dapatan yang bakal diperoleh kerana halusinasi merupakan persepsi sensori tanpa adanya stimulus eksternal yang nyata (Stuart & Sundeen, 1984). Dalam masalah ini, dapatan atau kajian gangguan halusinasi bukanlah sesuatu hasil atau kesan yang boleh diukur dengan mata kasar atau dengan parameter pengukuran logikal. Kajian ini merupakan satu kajian yang menunjukkan hasil dan kesan yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar atau hasil yang nyata. Oleh itu, Stuart dan Sundeen (1984) menyatakan ia adalah persepsi *sensory* tanpa ada stimulus eksternal yang nyata. Hasil kajian yang diperoleh juga tidak





dapat digeneralisasikan kepada sampel yang lebih besar kerana kajian ini merupakan kajian kes yang mana sampel yang digunakan adalah terhad dan kecil.

Ketiga; Batasan yang seterusnya ialah sebab atau penyebab yang tidak nyata dalam kajian ini iaitu dengan kehadiran makhluk halus yang tidak nampak dengan mata kasar yang membawa kepada gangguan halusinasi. Kehadiran jin dan syaitan bukan sesuatu yang dapat dilihat dengan jelas, hanya menampakkan kesan atas kehadiran mereka itu melalui gangguan yang dialami oleh pesakit. Kesan ini akan dijadikan sebab dan cara untuk mengubatnya atau mencari jalan penyelesaiannya dalam mengatasi masalah ini. Jadi, ia bukanlah sesuatu yang normal dalam kehidupan moden sekarang ini.



Keempat; Batasan yang seterusnya ialah kajian ini terhad kepada orang-orang yang beragama Islam sahaja kerana kandungan kajian ini secara menyeluruhnya berkaitan dengan al-Quran dan Hadis yang sangat rapat dengan Islam. Bagi mereka yang bukan Islam, modul kajian ini tidak dapat digunakan secara total sebab asas kepada penyucian jiwa dalam kajian ini adalah Islam.

Kelima; Batasan yang berikutnya ialah kajian ini juga terhad dalam kalangan pelajar sahaja sebab kajian ini digunakan untuk menguji gangguan halusinasi dalam pencapaian pelajar. Untuk orang kebanyakan atau orang awam, kaedah ini tidak begitu sesuai kerana pengukuran yang digunakan adalah berkaitan pencapaian pelajar dalam akademik dan perubahan kehadiran pelajar ke sekolah. Batasan ini menyebabkan kajian menjadi terhad, namun kajian ini masih boleh digunakan untuk orang awam, iaitu dengan mengambil perubahan tingkah laku dan perubahan kesihatan bagi melihat





kesan perubahan daripada gangguan halusinasi yang disebabkan oleh gangguan jin dan saka.

1.9 Definisi Konsep

1.9.1 Halusinasi

Halusinasi boleh didefinisikan sebagai persepsi atau tanggapan palsu, menghayati gejala-gejala yang dikhayalkan sebagai hal yang nyata. Halusinasi itu merupakan indikasi dari abnormal itu, namun demikian ada kalanya pula dialami oleh orang-orang normal (Kamus Psikologi, 2018). Menurut Noresah Baharom (2005), konsep halusinasi merupakan pengalaman seolah-olah dapat melihat, mendengar atau menyentuh sesuatu yang sebenarnya tidak wujud. Gangguan ini boleh berlaku akibat gangguan kesihatan (fikiran) atau pengambilan dadah. Penggunaan dadah boleh menyebabkan penggunanya mengalami halusinasi dengan menunjukkan kesan seperti meracau-racau serta berhalusinasi seperti bertemu dengan manusia pada zaman purba.

Selain itu, terdapat beberapa jenis halusinasi yang boleh diklasifikasikan dalam kajian ini. Menurut Cancro dan Lehmann (2000) dan Viedebeck (2008), jenis halusinasi ialah halusinasi auditorik atau akustik atau dengar. Gangguan halusinasi jenis ini meliputi organ pendengaran kita. Bisikan-bisikan yang terdengar di telinga pesakit menjadi faktor pendorong kepada perbuatan dan tingkah laku seseorang yang berhalusinasi. Suara yang kedengaran di telinga seseorang yang menghadapi gangguan





ini tidak ada objek atau benda yang nyata kelihatan berada di sekeliling pesakit tersebut. Misalnya, pesakit mendengar suara ancaman terhadap dirinya yang membuatkan pesakit berasa sangat ketakutan dan mungkin akan bertindak secara agresif secara tiba-tiba. Terdapat juga bisikan supaya seseorang itu membunuh diri, membunuh orang lain, pesakit mendengar suara gelak, dan ketawakan serta menghina dirinya. Semua keadaan yang berlaku tidak mempunyai sumber yang sah membolehkan pesakit merujuk untuk menanganinya.

Jenis halusinasi yang berikutnya ialah halusinasi visual atau lihat. Halusinasi jenis ini ialah halusinasi terhadap organ penglihatan (mata). Pesakit melihat sesuatu yang ada di sekelilingnya tetapi orang lain yang bersamanya tidak boleh nampak apa yang pesakit tersebut boleh nampak. Misalnya, pesakit dapat melihat suasana alam yang indah, melihat haiwan-haiwan, hantu, jembalang, dan lain-lain lagi. Keadaan ini, di mana orang yang normal berada bersamanya tidak dapat melihat apa yang berlaku dan hanya dapat dilihat oleh pesakit tersebut sahaja. Bayangan yang menjelma di mata pesakit tersebut juga merupakan gambaran atau bayangan yang telah dilihat dalam bentuk halusinasi, di mana gambaran atau bayangan tersebut sebenarnya tidak wujud bagi pandangan orang yang normal. Keadaan ini akan menimbulkan ketakutan terhadap pesakit dan boleh menyebabkan berlakunya kemurungan.

Manakala halusinasi jenis olfaktorik atau penciuman (bau atau hidu). Pesakit dapat menghidu pelbagai bau seperti bau wangian, bau busuk, bau menyengat dan lain-lain lagi. Semua bau ini tidak mempunyai apa-apa punca bau yang boleh dihidu oleh hidung orang yang normal. Bau yang dihidu ini datang dari arah yang tidak





diketahui puncanya dan sebabnya. Keadaan ini berlaku kepada orang yang mengalami halusinasi olfaktorik ini.

Halusinasi jenis gustatorik atau kecap. Halusinasi ini berlaku apabila pesakit boleh merasakan sesuatu rasa di mulutnya. Rasa yang dirasainya itu tidak mempunyai asas terhadap benda-benda yang maujud. Keadaan ini sering berlaku dan mempunyai perkaitan yang kuat dengan halusinasi bau. Selain itu, pesakit berasa rimas dan tidak selesa serta boleh menimbulkan ketakutan terhadap pesakit tersebut.

Jenis halusinasi taktil atau raba-rasa atau kinestetik. Halusinasi ini pula berlaku apabila pesakit merasakan sesuatu sentuhan atau raba-rasa di tubuhnya tanpa ada sumber atau stimulus atau rangsangan yang nyata. Misalnya pesakit berasa sakit, berasa seperti dicucuk, berasa disakiti, berasa panas atau berasa kedinginan. Kedinginan merupakan rasa yang sangat popular dalam kalangan mereka ini. Jika sensasi raba yang dirasakan penderita adalah rangsangan erotis (seksual) maka disebut sebagai "halusinasi heptik". Jika pesakit melaporkan adanya rasa seperti ingin membuang air kencing, sakit perut untuk membuang air atau darah gemuruh maka disebut "halusinasi kinestetik". Sama juga dengan halusinasi yang merasakan dirinya bergerak-gerak, terbang dan sebagainya, juga dinamakan "halusinasi kinestetik" sedangkan dirinya tidak bergerak sedikit pun.

Berdasarkan jenis dan bentuk halusinasi ini, berlaku beberapa fasa untuk menentukan halusinasi ini. Secara ringkasnya, terdapat beberapa tahap terjadinya halusinasi, iaitu terdapat 4 fasa menurut Stuart dan Laraia (2001) dan setiap fasa memiliki ciri-ciri yang berbeza, iaitu:





Fasa I *anxiety* sebagai halusinasi menyenangkan. Pada fasa ini pesakit mengalami perasaan mendalam seperti kesepian, rasa bersalah dan takut serta mencuba untuk berfokus pada fikiran yang menyenangkan untuk meredakan kesepian itu. Pesakit dalam fasa ini berkelakuan seperti tersenyum, tertawa sendirian, menggerakkan lidah tanpa suara, pergerakan mata yang cepat, diam dan asyik menyepikan diri atau keseorangan.

Fasa II ialah halusinasi yang berat. Fasa II menunjukkan pesakit melalui pengalaman *sensory* yang menjijikkan dan menakutkan. Pesakit akan mula merasa tidak berdaya dan mungkin mencuba untuk menjauhkan dirinya dengan sumber yang dipersepsinya itu. Keadaan ini akan menyebabkan pesakit mengalami peningkatan tanda-tanda sistem saraf akibat kebimbangan seperti peningkatan tanda-tanda vital (denyutan jantung, pernafasan, dan tekanan darah). Keasyikan seseorang dengan pengalaman *sensory* ini menyebabkan hilang kemampuan untuk membezakan halusinasi dengan realiti.

Fasa III ialah pesakit berserah atau mengalah. Pesakit akan berhenti melawan halusinasi yang dialaminya dan menyerah pada halusinasi tersebut. Keadaan ini akan menyebabkan pesakit sukar berhubungan dengan orang lain, berkeringat, tidak mampu mematuhi perintah daripada orang lain dan berada dalam kognisi yang sangat tertekan terutama jika perlu berhubungan dengan orang lain.

Fasa IV ialah panik. Pada fasa ini, pesakit merasakan dirinya terancam dengan halusinasi yang dialaminya. Pesakit itu sentiasa mengikuti perintah yang terdapat dalam halusinasi yang dialaminya. Keadaan ini akan menyebabkan berlaku perubahan





tingkah laku ke arah perubahan tingkah laku negatif seperti tingkah laku kekerasan, agitasi (memberontak), terlalu memencilkan diri, tidak mampu untuk memberi tindak balas terhadap sesuatu arahan yang kompleks, dan selalu berfikiran negatif. Keadaan ini sangat membahayakan pesakit dan boleh membawa kepada penyakit yang lebih teruk, iaitu membawa pesakit ke arah penyakit skizofrenia.

Selain itu, menurut Stuart dan Laraia (2005), terdapat lima (5) peringkat hasil perkembangan daripada Stuart dan Laraia (2001). Dalam peringkat perkembangan ini, proses halusinasi dikelaskan kepada fasa yang lebih spesifik dan menjurus kepada masalah pesakit yang mengalami gangguan halusinasi ini. Fasa-fasa tersebut adalah seperti berikut:



Fasa pertama ialah fasa awal seseorang sebelum muncul halusinasi. Pesakit mengalami banyak masalah, ingin menghindar daripada lingkungan, takut diketahui orang lain bahawa dirinya mempunyai banyak masalah. Masalah semakin sukar hadir dalam kehidupan sehinggakan sistem sokongan pesakit berkurangan dan persepsi terhadap masalah semakin buruk. Mengalami kesukaran untuk tidur secara berterusan dan sentiasa berkhayal dengan khayalan yang semakin menggiatkan. Pesakit mengungkapkan lamunan itu sebagai isyarat awal tersebut untuk mengatasi masalah halusinasi yang dialaminya.

Fasa kedua ialah secara umumnya seseorang itu menerima gangguan halusinasi yang diterimanya. Pesakit mengalami gangguan emosi yang teruk seperti perasaan cemas, kesepian, perasaan berdosa, ketakutan dan cuba memikirkan masalah yang timbul sebagai sesuatu yang benar. Mereka beranggapan bahawa pengalaman





pemikirannya dapat mengawal keresahan dan kecemasan yang dialaminya dengan teratur. Pada tahap ini, pesakit merasakan dirinya bahagia dan selamat dengan kehadiran halusinasi yang dialaminya.

Fasa ketiga ialah secara umumnya halusinasi ini sering mendatangi pesakit. Tahap ketiga pesakit akan sering mengalami halusinasi dan sering dalam keadaan yang mengelirukan. Pesakit berasa tidak mampu lagi untuk mengawal halusinasi dan mula menjauhkan diri daripada berinteraksi dengan persekitaran. Pesakit juga akan memencilkan dirinya dengan orang ramai serta sahabat-sahabatnya dalam jarak waktu yang lama.

Fasa keempat ialah fungsi sensori menjadi tidak relevan dengan kenyataan. Pada tahap ini, pesakit cuba melawan suara yang didengarinya atau bayangan abnormal yang datang dengan tingkah laku negatif. Setelah gangguan ini hilang buat seketika, pesakit akan mula terganggu dengan gangguan psikotik atau mengalami gangguan mental yang teruk hasil gangguan halusinasi di peringkat awal yang tidak dibendung.

Fasa kelima ialah pesakit mengalami gangguan dalam menilai lingkungannya. Pada tahap yang terakhir berdasarkan persepsi Stuart dan Laraia (2005) ialah berlaku perubahan tingkah laku positif kepada tingkah laku negatif hasil gangguan halusinasi. Pesakit mula berasa terancam dengan kehadiran suara-suara ghaib terutamanya apabila pesakit tidak dapat menuruti dan mengikuti perintah suara-suara tersebut. Halusinasi ini akan berterusan sekurang-kurangnya selama 4 jam atau kadang-kadang sehingga seharian terutama apabila pesakit tidak berkomunikasi dengan orang lain atau hidup secara bersendirian. Dengan demikian, berlaku perubahan tingkah laku positif kepada





tingkah laku negatif yang tidak diingini seterusnya membawa kepada berlakunya gangguan psikotik yang teruk atau “gila”.

1.9.2 Gangguan

Gangguan merupakan perbuatan mengganggu (mengusik), usikan, godaan, sesuatu yang mengganggu (mengacau, menghalang, menyusahkan) atau halangan (Noresah Baharom, 2005). Gangguan ini boleh dijemakan dalam pelbagai keadaan, iaitu gangguan emosi, gangguan halusinasi, gangguan pembelajaran, gangguan psikologi, gangguan komunikasi, gangguan mental, gangguan jin, gangguan saka, gangguan seksual dan banyak lagi. Menurut Maslim (2001), terdapat pelbagai gangguan jiwa seperti gangguan jiwa organik dan simtomatik, skizofrenia, gangguan skizotipal dan gangguan waham, gangguan suasana perasaan, gangguan neurotik, gangguan somatoform, sindrom tingkah laku yang berhubungan dengan gangguan psikologi dan faktor fizik, gangguan keperibadian dan tingkah laku masa dewasa, retardasi mental, gangguan perkembangan psikologi, gangguan perilaku dan emosional dengan peristiwa masa silam, iaitu pada zaman kanak-kanak dan remaja.

Gangguan halusinasi adalah gangguan persepsi tentang objek bayangan dan sensasi yang timbul tanpa stimulus eksternal. Individu mendengar suara tanpa adanya rangsangan akustik. Dia juga boleh melihat seekor kucing di tempat tidurnya tanpa adanya sesuatu yang dapat dilihat atau mencium bau racun tanpa adanya sesuatu yang merangsang indera penciumannya (Wilson & Kneisl, 1983, p. 406). Menurut Maramis (1998), pencerapan pancaindera tanpa rangsang dari luar juga dikenali sebagai





halusinasi. Menurut Lubis (1993), penghayatan yang dialami seperti suatu persepsi melalui pancaindera tanpa stimulus eksternal dan persepsi palsu. Menurut Stuart dan Laraia (2001), halusinasi ialah pelbagai persepsi yang muncul daripada pelbagai pancaindera. Townsend (1998) menyatakan halusinasi merupakan perubahan persepsi *sensory* adalah suatu keadaan, di mana seseorang mengalami suatu perubahan dalam jumlah atau pola stimulus yang mendekati (dipraktikkan secara internal atau eksternal) dihubungkan dengan suatu kekurangan, kelebihan, penyimpangan atau kerosakan respons terhadap setiap stimulus.

Gangguan Emosi menurut Terri Mauro (2004), terdapat banyak faktor yang berkait rapat dengan gangguan emosi dalam kalangan kanak-kanak. Antara punca berlakunya gangguan emosi dalam kalangan murid ialah persekitaran sekolah, peristiwa dalam keluarga, pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, tindakan guru dan lain-lain lagi. Gangguan emosi dalam kalangan murid berpunca daripada persekitaran sekolah yang tidak kondusif. Contohnya, gangguan emosi itu mungkin berpunca daripada masalah kesesakan di dalam kelas yang boleh mewujudkan kecenderungan murid untuk melakukan kesalahan disiplin. Ini selaras dengan pendapat yang diberikan oleh Ketua Jabatan Pendidikan Kaunseling dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Rusnani Abdul Kadir yang mendapati bahawa kecenderungan ke arah perlakuan negatif wujud kerana dipengaruhi unsur rangsangan di sekeliling mereka. Keadaan ini menunjukkan murid mungkin melakukan kesalahan akibat daripada suasana persekitaran yang tidak kondusif dan mengganggu emosi mereka.





Gangguan Jiwa adalah kesulitan yang harus dihadapi oleh seseorang kerana hubungannya dengan orang lain, kesulitan kerana persepsinya tentang kehidupan dan sikapnya terhadap dirinya sendiri (Djamaludin, 2001). Gangguan jiwa adalah gangguan dalam cara berfikir, kemahuan, emosi dan tindakan (Yosep, 2007). Gangguan jiwa menurut Depkes (2000), suatu perubahan pada fungsi jiwa yang menyebabkan adanya gangguan pada fungsi jiwa yang menimbulkan penderitaan pada individu atau paksaan dalam melakukan kerja-kerja sosial secara terpaksa. Gangguan jiwa adalah suatu gangguan kesihatan dengan manifestasi psikologi atau perilaku yang berkait dengan penderitaan yang nyata dan dalam keadaan yang buruk, dan disebabkan oleh gangguan biologi, sosial, psikologi, genetik, fizik atau kimia. Gangguan jiwa juga membawa maksud gejala-gejala yang terjadi terhadap psikologi manusia daripada unsur-unsur psikis (Maramis, 2004).



Gangguan Skizofrenia adalah sekelompok reaksi psikotik yang mempengaruhi pelbagai situasi dan keadaan individu, termasuk berfikir dan berkomunikasi, menerima dan menginterpretasikan realiti, merasakan dan menunjukkan emosi serta tingkah laku yang tidak dapat diterima secara sosial (Isaac, 2005).

Gangguan Pembelajaran menurut Samuel Kirk (1963), mendefinisikan masalah pembelajaran sebagai kelewatan perkembangan dalam satu atau lebih daripada proses pertuturan, pembacaan, penulisan, pengiraan atau mata pelajaran lain di sekolah. Kaedah ini digunakan oleh Samuel Kirk pada tahun 1963 dalam satu perjumpaan dengan ibu bapa kepada kanak-kanak yang mengalami masalah membaca hiperaktif, masalah matematik. Masalah pembelajaran tidak dikaitkan dengan kurang upaya seperti kerencatan mental, masalah penglihatan atau pendengaran. Dalam Akta





Masalah Pembelajaran Spesifik (*Specific Learning Disabilities Act*, 1969) telah menggunakan definisi Samuel Kirk bagi memperluaskan lagi bidang atau skop undang-undang tersebut.

Gangguan Depresi merupakan satu masa terganggunya fungsi manusia yang berkaitan dengan alam perasaan yang sedih dan semua gejala yang berkaitannya, termasuk perubahan pada pola tidur dan nafsu makan, psikomotor, konsentrasi, kelelahan, rasa putus asa, dan tak berdaya serta gagasan bunuh diri. Depresi juga dapat diertikan sebagai salah satu bentuk gangguan kejiwaan pada alam perasaan yang ditandai dengan kemurungan, kekecewaan, ketiadaan gairah hidup, perasaan tidak berguna, putus asa, dan sebagainya (Hawari, 2000).



Depresi adalah suatu perasaan sedih dan yang berhubungan dengan penderitaan.

Depresi juga merupakan serangan yang ditujukan pada diri sendiri atau perasaan marah yang mendalam (Nugroho, 2000). Depresi adalah gangguan patologis terhadap mode mempunyai ciri-ciri seperti perasaan, sikap dan kepercayaan bahawa seseorang hidup menyendiri, pesimis, putus asa, ketidakberdayaan, harga diri rendah, bersalah, harapan yang negatif, dan takut pada bahaya yang akan datang. Depresi menyerupai kesedihan yang merupakan perasaan normal yang muncul sebagai akibat daripada situasi tertentu misalnya kematian orang yang dicintai.

Gangguan Kecemasan pula merupakan pelbagai pengalaman psikik yang biasa dan wajar, pernah dialami oleh setiap orang dalam merangka, dan membentuk individu untuk mengatasi masalah yang dihadapi olehnya dengan sebaik-baiknya (Maslim, 2001). Suatu keadaan seseorang merasa risau dan takut sebagai bentuk reaksi daripada





ancaman yang tidak spesifik. Intensiti kecemasan dibezakan daripada kecemasan tingkat ringan ke peringkat tingkatan yang berat. Mengidentifikasi tahap respons kecemasan ke dalam empat tingkatan yang meliputi, kecemasan ringan, sedang, berat, dan kecemasan panik.

Gangguan Keperibadian menunjukkan bahawa gejala gangguan keperibadian (psikopatia) dan gejala *nervosa* berbentuk hampir sama pada setiap orang dengan inteligensia yang tinggi atau rendah. Dengan demikian, gangguan keperibadian, *nervosa* dan gangguan inteligensia sebahagian besar tidak bergantung pada satu dengan yang lain atau tidak berkorelasi. Gangguan keperibadian ini boleh diklasifikasikan seperti berikut iaitu keperibadian paranoid, keperibadian afektif atau *siklotemik*, keperibadian *skizoid*, keperibadian *aploisif*, keperibadian *anankastik* atau *obsesif-kompulsif*, keperibadian histerik, keperibadian *astenik*, keperibadian *antisosial*, keperibadian pasif agresif, keperibadian *inadequate* (Maslim, 2001).

Gangguan Mental Organik merupakan gangguan jiwa yang psikotik atau non-psikotik yang disebabkan oleh gangguan fungsi jaringan otak (Maramis, 2004). Gangguan fungsi jaringan otak ini dapat disebabkan oleh penyakit badan yang berkaitan penyakit di dalam atau di luar otak manusia. Apabila otak mengalami gangguan yang besar, maka gangguan dasar mengenai fungsi mental akan berlaku, tidak bergantung kepada penyakit yang menyebabkannya. Apabila sebahagian kawasan otak terganggu fungsinya dengan sesuatu gangguan, maka lokasi inilah yang menentukan gejala dan sindrom kepada penyakit tersebut. Keadaan ini yang menyebabkan penyakit tersebut dirasai kesakitannya.





Semua konsep gangguan yang dinyatakan di atas merupakan gangguan yang wujud sekarang ini terutama gangguan yang melibatkan pelajar. Dalam kajian ini akan membincangkan tentang gangguan halusinasi yang menjadi fokus kepada kajian. Berdasarkan takrif yang dinyatakan itu, gangguan halusinasi perlu ditangani kerana memberikan kesan yang sangat mendalam dan kesan yang sangat negatif kepada perkembangan pelajar terutama dalam potensi perkembangan kecemerlangan pendidikan pelajar.

1.9.3 Pencapaian Pembelajaran

Pencapaian ini merujuk kepada pencapaian akademik di sekolah atau pencapaian dalam bentuk perubahan tingkah laku, iaitu satu proses yang terhasil daripada pembelajaran pelajar sama ada dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah secara langsung atau tidak langsung. Pencapaian pembelajaran adalah proses atau kegiatan belajar yang berlaku dalam pelbagai bentuk (Seman Salleh, 2005). Menurut Seman Salleh (2005), pencapaian pembelajaran melibatkan pemerolehan dan pengubahsuaian pengetahuan, kemahiran, strategi, kepercayaan, dan tingkah laku. Pencapaian pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku atau kebolehan untuk menunjukkan perlakuan yang dikehendaki hasil daripada latihan ataupun pelbagai bentuk pengalaman. Pembelajaran juga merupakan perubahan dari segi kecenderungan atau kemampuan seseorang yang diperoleh dalam masa yang panjang dan bukannya dikuasai secara mudah mengikut proses pertumbuhan seseorang. Dalam kajian ini, konsep pencapaian pembelajaran dipadankan dengan aktiviti dan penglibatan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.





Menurut Yaxley (1991), proses pencapaian pembelajaran melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan penerimaan oleh pelajar sebagai proses pembelajaran dan akhirnya membuahkan pencapaian yang dingini. Kedua-dua pihak harus memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan interaksi dua hala berlaku dan pencapaian dalam diri pelajar lebih positif terhasil. Jika penyakit halusinasi ini menular dalam kalangan pelajar, maka proses pencapaian pembelajaran yang diingini tidak akan berjaya kerana pemikiran pelajar berada dalam situasi khayalan yang membawa mereka ke alam yang lain bukan bersama guru di dalam kelas tersebut.

Dengan demikian, pencapaian pembelajaran akan melalui proses pengajaran dan pembelajaran terlebih dahulu yang merupakan asas kepada pembentukan kefahaman dan ketekalan pelajar dalam memahami pembelajaran di sekolah. Pelbagai konsep dan teknik digunakan oleh guru untuk proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar mengikut objektif yang telah ditetapkan sebelum pengajaran dan pembelajaran bermula dan seterusnya terhasil pencapaian. Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk memastikan pelajar yang menghadapi gangguan halusinasi tidak terabai dalam proses pencapaian pembelajaran. Selain itu, mereka juga dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran arus perdana seperti pelajar normal yang lain serta memperoleh pencapaian yang baik dalam akademik dan menghasilkan perubahan tingkah laku yang positif.





1.9.4 Kerohanian (*Tazkiyatun Nafs*)

Amalan kerohanian boleh didefinisikan sebagai perjalanan peribadi ke dalam diri dan jiwa melalui kelima-lima pancaindera, minda atau fikiran serta intelek agar mendapatkan pengalaman yang nyata tentang roh serta menerokai sifat ketuhanan yang bersemayam di dalam diri. Salah satu sifat atau kualiti suci daripada Tuhan Yang Maha Esa adalah kebahagiaan abadi. Maka dengan meneliti dan menyelami ke dalam jiwa, kita juga akan mengalami 'Kebahagiaan Abadi'.

Yayasan Penelitian Ilmu Kerohanian (SSRF) mendefinisikan “Amalan Kerohanian” sebagai usaha yang ikhlas dan bersungguh-sungguh dilakukan setiap hari untuk mengembangkan sifat-sifat atau kualiti ketuhanan dengan tujuan untuk mencapai kebahagiaan abadi (Bliss) (Noraini, 2017).

1.9.5 Tingkah Laku

Tingkah laku manusia merupakan tingkah laku yang ditonjolkan oleh manusia yang dipengaruhi oleh budaya, sikap, emosi, nilai, etika, autoriti, hubungan baik, hipnosis, pujukan, paksaan, dan genetik. Keadaan ini merupakan salah satu faktor yang penting dalam masyarakat manusia. Menurut sudut pandangan humanisme, setiap manusia mempunyai tingkah laku yang berbeza. Tingkah laku manusia dikaji dalam disiplin akademik seperti psikologi, kerja sosial, sosiologi, ekonomi, dan antropologi.





Tingkah laku juga merujuk kepada sesuatu tindakan atau tindak balas sesuatu perkara oleh seseorang yang ke biasanya berhubung dengan persekitarannya yang ada di sekelilingnya. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

- i) Bersifat sedar atau separa sedar.
- ii) Nyata atau terselindung.
- iii) Rela atau tidak.
- iv) Semula jadi atau dipelajari.

Menurut Azizi (2004), tingkah laku agresif merupakan sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan. Keadaan ini akan menghasilkan kekecewaan, kejengkelan, dan keganasan. Keadaan ini menyebabkan halusinasi mudah berlaku terhadap mereka yang berkeadaan marah. Perasaan marah adalah satu daripada unsur yang paling penting untuk menghasilkan tingkah laku agresif. Reed dan Baali (1972) menjelaskan bahawa tingkah laku agresif adalah tingkah laku yang berlainan daripada norma-norma biasa yang telah ditetapkan oleh institusi tertentu. Kelainan ini mungkin boleh diterima atau tidak boleh diterima oleh masyarakat.

Menurut Hurlock (1973), kaum remaja mengalami gangguan emosi seperti bimbang terhadap sesuatu kegagalan serta cuba membuat penyesuaian semasa bertembung dengan situasi baru. Jika tidak ada penyesuaian yang memuaskan di antara individu dengan persekitarannya, maka remaja boleh menghasilkan tingkah laku yang menyimpang daripada kenormalannya. Perlakuan ini boleh menimbulkan masalah sosial yang besar kepada masyarakat dan negara.





Berdasarkan sebuah buku yang dikeluarkan oleh Robert Ardrey (1970) yang dikemaskinikan dalam *Volume 3* (2014), berjudul "*The Social Contract: A Personal Inquiry into the Evolutionary Sources of Order and Disorder*" (Kontrak Sosial: Penyelidikan Peribadi Tentang Punca Susunan dan Gangguan Evolusi). Beliau merupakan ahli antropologi. Dalam kajian tersebut, satu penyelidikan tentang tingkah laku manusia dijalankan dan dibandingkan dengan tingkah laku haiwan (etologi) yang menunjukkan sebagai fenomena yang serupa.

1.9.6 Jin

Menurut Mustidakim Mohd Najib (2010), jin merupakan suatu makhluk halus yang dijadikan Allah S.W.T yang tersembunyi daripada penglihatan mata kasar manusia. Jin boleh dilihat dengan kuasa dan kelebihan yang Allah S.W.T berikan kepada seseorang. Alam jin adalah alam yang sama di antara Alam Malaikat dan Alam Manusia. Jin diciptakan oleh Allah S.W.T daripada api dan angin yang sangat panas yang juga dipanggil api *al-Maarij* dan angin *Samun*. Istilah api *al-Maarij* adalah nyalaan api yang sangat panas dan mempunyai takat suhu yang tinggi, iaitu percampuran di antara lidah api yang berwarna biru, hijau, kuning, merah dan hitam yang tidak berasap. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mengetahui akan takat suhu kepanasan api *al-Maarij* ini yang sama sekali tidak sama dengan takat suhu api yang ada di dunia ini. Allah S.W.T berfirman di dalam al-Quran surah al-A'raf, ayat 12:

Ertinya: "12. Allah S.W.T berfirman: "Apakah yang menghalangi mu untuk bersujud (kepada Adam) di waktu Aku menyuruh mu?". Menjawab Iblis "Aku lebih baik





daripadanya: Engkau ciptakan aku dari api sedang dia Engkau ciptakan Adam dari tanah.”

(Surah al-A'araf, ayat 12)

Tempat tinggal jin ialah lautan, daratan, udara dan "Alam *Mithal*", iaitu suatu alam antara alam manusia dan alam malaikat. Jika ditakdirkan oleh Allah S.W.T kepada kita melihatnya, jarum yang jatuh dari atas tidak akan jatuh ke bumi melainkan jatuh di atas belakang mereka, iaitu jin. Ini menunjukkan bilangan jin adalah terlalu banyak.

1.9.7 Saka



Saka boleh didefinisikan sebagai jin yang telah berada dalam tubuh manusia yang sudah sekian lama sehingga sehati dengan diri manusia tersebut (Hanafi, 2017). Keadaan ini berlaku sama ada seseorang itu sedar atau tidak sedar kerana ianya diwarisi daripada keturunannya. Saka ini wujud apabila nenek moyang terdahulu mempelajari ilmu tertentu yang membabitkan jin dan diperturunkan kepada pembawa saka tanpa diketahui atau boleh juga terjadi jin tersebut sendiri memilih untuk mendampingi keturunan yang dikehendaki oleh mereka.

Persahabatan antara jin dan manusia menyebabkan mereka semakin lama semakin mencintai manusia. Persahabatan tersebut adalah dalam bentuk “*khadam*”, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran surah al-Jin, ayat 6:





Ertinya: “Dan bahawasanya beberapa lelaki daripada kalangan manusia meminta perlindungan kepada beberapa lelaki daripada kalangan jin, maka jin-jin itu menambahkan bagi mereka dosa dan kesalahan.”

(Surah al-Jin, ayat 6)

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan satu definisi tentang proses kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini. Definisi operasional ini selaras dengan objektif dan soalan kajian yang telah dirancang dalam penyelidikan ini. Definisi operasional dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan halusinasi, gangguan, pembelajaran, kerohanian, tingkah laku, Jin, dan saka selaras dengan pendekatan Imam al-Ghazali, Ibn Qayyim, Hasan Langgulung, Icek Ajzen dan Kohlberg.

1.10.1 Halusinasi

Halusinasi boleh didefinisikan sebagai persepsi seseorang melalui pancaindera terhadap lingkungan tanpa ada stimulus atau rangsangan yang nyata. Menurut Noresah Baharom (2005), konsep halusinasi merupakan pengalaman seolah-olah dapat melihat, mendengar atau menyentuh sesuatu yang sebenarnya tidak wujud akibat gangguan kesihatan (fikiran). Selain itu, pengambilan dadah seperti penggunaan dadah dan daun ketum boleh menyebabkan penggunaanya mengalami halusinasi (Kay Suhaimi, 2018).





Kesan daripada gangguan ini menunjukkan seseorang itu seperti meracau-racau, tidak sedar diri serta berhalusinasi bertemu dengan manusia pada zaman purba.

Menurut Stuart (2007), halusinasi terjadi atas faktor psikologi yang menyebabkan seseorang itu mengalami halusinasi seperti faktor keluarga, pengasuh, dan lingkungan persekitaran seseorang. Selain itu, ia juga sangat mempengaruhi respons dan kognisi psikologi pesakit. Salah satu sikap atau keadaan yang dapat mempengaruhi gangguan orientasi realiti adalah penolakan atau tindakan kekerasan dalam kehidupan sebenar seseorang.

Dalam kajian ini, gangguan halusinasi yang akan diberi perhatian dan menjadi objektif utama adalah gangguan halusinasi yang berlaku disebabkan oleh gangguan dan kehadiran makhluk halus, iaitu jin. Sebagaimana firman Allah dalam al-Quran Surah al-Jin, ayat 19 menyatakan tentang kehadiran jin dalam kehidupan manusia.

Ertinya: *"Dan bahawasanya tatkala hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembah-Nya (mengerjakan ibadat), hampir saja jin-jin itu desak mendesak mengerumuninya."*

(Surah al-Jin, Ayat 19)

Punca utama terjadinya halusinasi kepada seorang pelajar adalah disebabkan oleh kehadiran jin atau saka yang menjadi perhatian dalam penyelidikan ini serta mencari jalan penyelesaian bagi membantu pelajar di sekolah menengah supaya tidak dibelenggu kesakitan akibat halusinasi. Keadaan ini boleh membantu pelajar supaya terus maju dalam pendidikannya dan dapat menjalani kehidupan seperti insan yang normal. Proses penyembuhan daripada masalah ini dan proses perubatan yang akan





dijalankan ialah melalui modul *Tazkiyatun Nafs*. Modul ini akan diterjemahkan dan ditadbirkan kepada semua pelajar yang mengalami masalah ini supaya menjadi benteng dan kekuatan hati dan jiwa dalam proses penyembuhannya.

1.10.2 Gangguan

Menurut Noresah Baharom (2005), gangguan bermaksud perbuatan mengganggu (mengusik), usikan, godaan, sesuatu yang mengganggu (mengacau, menghalang, menyusahkan) atau halangan. Menurut Maslim (2001), terdapat pelbagai jenis gangguan seperti gangguan jiwa organik dan simptomatik, skizofrenia, gangguan skizotipal dan gangguan waham, gangguan suasana perasaan, gangguan neurotik, gangguan somatoform, sindrom tingkah laku yang berhubungan dengan gangguan psikologi dan faktor fizik, gangguan keperibadian dan tingkah laku masa dewasa, retardasi mental, gangguan perkembangan psikologi, gangguan tingkah laku dan emosional dengan peristiwa masa silam, iaitu masa kanak dan remaja.

Dalam penyelidikan ini, gangguan yang akan dititikberatkan ialah gangguan halusinasi yang disebabkan oleh gangguan jin atau makhluk halus. Penyelidikan ini dilakukan bagi menghuraikan masalah gangguan supaya dapat membantu pelajar mengatasi masalah ini serta mendapat mengubah pencapaian akademik, perubahan tingkah laku, pergaulan sosial dan perubahan tahap kesihatan mereka ke arah yang lebih baik dan sempurna.





1.10.3 Pencapaian Pembelajaran

Menurut Noresah Baharom (2005), pembelajaran bermaksud proses (kegiatan) belajar. Pencapaian pembelajaran adalah proses atau kegiatan belajar yang berlaku dalam pelbagai bentuk (Seman Salleh, 2005). Menurut Seman Salleh (2005), proses pencapaian pembelajaran melibatkan pemerolehan dan pengubahsuaian pengetahuan, kemahiran, strategi, kepercayaan, dan tingkah laku. Pembelajaran juga merupakan proses perubahan tingkah laku atau kebolehan untuk menunjukkan perlakuan yang dikehendaki hasil daripada latihan ataupun pelbagai bentuk pengalaman.

Dalam kajian ini, konsep pencapaian pembelajaran dipadankan dengan aktiviti dan penglibatan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Konsep pengajaran dan pembelajaran juga dijelaskan dengan pelbagai definisi (Sharifah Alwiah (1983), Tunku Iskandar (1986), dan Yaxley (1991). Menurut Sharifah Alwiah (1983), beliau menganggap pengajaran sebagai aktiviti atau proses kerana apabila mengajar, aktiviti seperti menyoal, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu, dan berbagai aktiviti lain akan berlaku. Sharifah Alwiah (1983) juga, menganggap pengajaran dan pembelajaran sebagai suatu proses komunikasi walaupun tidak semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran merupakan komunikasi antara guru dengan pelajar.

Yaxley (1991) berpendapat bahawa pengajaran dan pembelajaran merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, nilai dan makna. Yaxley (1991) juga melihat pengajaran dan pembelajaran sebagai aktiviti intelek yang melibatkan pemikiran, perasaan dan penilaian. Konsep pengajaran dan





pembelajaran yang dibawa oleh Yaxley (1991) ini melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan penerimaan oleh pelajar sebagai proses pembelajaran. Jadi kedua-dua pihak harus memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan interaksi dua hala berlaku. Jika penyakit halusinasi ini menular dalam kalangan pelajar maka proses pengajaran dan pembelajaran ini tidak akan berjaya kerana pemikiran pelajar berada pada alam yang lain bukan bersama guru dalam kelas tersebut.

Dalam kajian ini, pencapaian pembelajaran yang ditumpukan ialah terhadap pelajar di sekolah menengah di bahagian Utara Semenanjung Malaysia, iaitu di sekolah menengah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.



1.10.4 Kerohanian (*Tazkiyatun Nafs*)

Amalan kerohanian yang dibincangkan dalam kajian ini ialah amalan agama untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T bagi menghindarkan diri daripada gangguan makhluk halus yang dinamakan jin (Anis, 2019). Amalan kerohanian yang digunakan di dalam kajian ini mengikuti kaedah modul *Tazkiyatun Nafs* yang telah diadaptasi daripada pengalaman dan amalan pengkaji terdahulu selama bertahun-tahun dalam kaedah penyucian jiwa yang membawa kepada penerokaan ke alam ghaib yang telah dianugerahkan Allah S.W.T kepada *salafussoleh* sebelum ini.





Bagi membolehkan amalan kerohanian ini menjadi amalan yang boleh membantu membangunkan sifat kerohanian dalam diri, seseorang itu haruslah menjalani kehidupan seperti berikut:

- i) Mematuhi enam prinsip asas ‘ Amalan Kerohanian’.
- ii) Wajib dilakukan dengan penambahan secara progresif yang lebih banyak, baik dari segi kualiti mahupun dari segi kuantiti.

Terdapat beberapa prinsip-prinsip asas dalam amalan kerohanian ini. Kemajuan kerohanian yang pesat dapat dicapai ketika kita melakukan amalan kerohanian sesuai dengan prinsip-prinsip asas kerohanian. Meski pun ada pelbagai jenis amalan kerohanian, adakah amalan kerohanian kita mematuhi prinsip-prinsip asas kerohanian bagi menentukan keberkesananannya. Jika tidak, kita berada di dalam keadaan yang berisiko, iaitu setiap usaha yang dilakukan mestilah setimpal dengan hasil yang kita peroleh. Oleh itu, terdapat prinsip asas yang patut dipenuhi bagi memastikan hasil yang diperoleh itu sesuai dengan amal ibadah yang dilakukan. Terdapat enam prinsip asas tersebut adalah seperti berikut:

- i) Membuat amalan menuju Allah S.W.T dengan mengikuti jalan yang betul sebagaimana orang-orang yang terdahulu serta mengikut sunnah Nabi S.A.W.
- ii) Berjalan maju dari banyak menuju ke satu.
- iii) Melangkah maju daripada yang kasar (ketara / berwujud) kepada yang halus (tidak ketara / tidak berwujud).





- iv) Melakukan amalan kerohanian sesuai dengan tahap pencapaian kerohanian atau keupayaan kerohanian.
- v) Melakukan amalan kerohanian yang sesuai dengan zamannya.
- vi) Mempersembahkan kepada Tuhan sesuai dengan bakat atau kemampuan anda.

1.10.5 Tingkah laku

Dalam konteks gangguan halusinasi ini, tingkah laku yang terhasil juga dikenali sebagai tingkah laku bilazim. Tingkah laku ini terhasil melalui tiga aspek utama, iaitu kognisi, emosi, dan tingkah laku yang berbeza atau bukan dalam bentuk normal dalam sesuatu budaya (Aisyah, 1997). Sheehy (2002) menyatakan bahawa Ivan Pavlov (1936) merupakan tokoh dalam kaedah pelaziman klasik yang menekankan tingkah laku abnormal dan ketidakfungsian mental yang disebabkan oleh pembelajaran dan proses adaptasi.

Tingkah laku ini juga dibincangkan dalam kajian keclaruan psikologikal yang merangkumi psikologi klinikal dan kaunseling, psikiatri dan kesihatan mental. Semua keadaan ini dikategorikan dalam psikopatologi. Perkembangan dalam psikopatologi ini adalah kaedah saintifik bagi mengkaji keclaruan psikologikal dalam aspek dan faktor penyebab serta kaedah membuat rawatan (Barlow et al., 1984 & Barlow et al, 1999).

Semua tingkah laku yang terhasil daripada gangguan halusinasi ini akan dikaji serta dijadikan satu objektif dan tujuan dalam kajian ini. Tingkah laku pelajar yang





berhalusinasi semasa menghadapinya akan direkodkan serta dibandingkan dengan perubahan tingkah laku selepas melalui rawatan menggunakan kaedah rawatan secara Islam.

1.10.6 Jin

Jin merupakan makhluk halus ciptaan Allah S.W.T sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini dalam definisi konsep. Dalam bahagian ini akan dijelaskan lebih terperinci tentang kehadiran jin. Jin merupakan penyebab kepada gangguan halusinasi. Menurut al-Musnid Ustaz Haji Muhammad Rajab Akmal al-Idrisi Pusat Rawatan Islam Darul Ansar Temerloh, Pahang sememangnya amat penting bagi para perawat khususnya mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan permasalahan gangguan jin, saka, serta sihir supaya usaha-usaha merawat dan menyebarkan konsep perubatan Islam yang jitu berasaskan al-Quran dan Sunnah.

Penglibatan jin dalam kajian ini adalah penyebab kepada berlakunya gangguan halusinasi sebagaimana yang diterangkan dalam al-Quran dan al-Hadis tentang kehadiran mereka itu. Berdasarkan huraian ini dibuat kesimpulan bahawa dendam jin kepada manusia tidak akan padam dan terhakis selagi manusia tidak disakiti dan dikhianati sehingga mereka (jin) dapat membawa manusia ke jalan yang hina dan sesat. Gangguan halusinasi merupakan salah satu jalan yang telah dipilih oleh Jin bagi memesongkan akidah orang-orang Islam khususnya, supaya orang Islam tidak mengakui kuasa Allah S.W.T dan ajaran yang dibawa oleh Nabi S.A.W. Namun,





kaedah perubatan Islam merupakan jalan alternatif untuk memastikan mereka yang diganggu oleh jin dan iblis selamat dan dijauhi daripada masalah gangguan halusinasi.

1.10.7 Saka

Saka merupakan gangguan jin atau makhluk halus yang terdapat di alam ghaib yang mengganggu manusia tidak kira usia sama ada kanak atau dewasa, muda atau tua yang boleh membawa kepada gangguan halusinasi dalam kehidupan. Gangguan ini boleh memberi kesan yang sangat negatif terutama terhadap pembelajaran dan tingkah laku pelajar yang mengalami gangguan halusinasi tersebut. Definisi saka yang dinyatakan sebelum ini ialah berkaitan dengan jin yang berpindah-randah daripada seseorang kepada seseorang yang lain yang mempunyai kaitan perhubungan darah atau keturunan. Dengan demikian, gangguan jin atau saka boleh menyebabkan seseorang itu mengalami gangguan halusinasi yang serius dan sukar untuk diubahi kecuali dengan menggunakan kaedah perubatan Islam seperti Perubatan Islam Darussyifa' serta boleh juga menggunakan kaedah perubatan Islam *Tazkiyatun Nafs* yang telah diperkenalkan dalam kajian ini.

1.11 Kesimpulan

Di dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan tentang latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi konsep kajian ini. Konsep yang diketengahkan dalam bab ini seperti konsep halusinasi,





konsep gangguan, konsep pencapaian pembelajaran, konsep tingkah laku, konsep jin, dan konsep saka. Selain itu, definisi operasional juga telah dibincangkan berkaitan dengan konsep yang telah ditampilkan ini. Melalui huraian definisi operasional ini, beberapa konsep dijadikan asas kepada penulisan kajian ini. Selain itu, bab ini juga dapat dirumuskan bahawa gangguan halusinasi dalam pembelajaran menjadi masalah kepada pencapaian pelajar menguasai sesuatu pembelajaran dengan baik. Gangguan halusinasi yang dialami oleh pelajar perlu diatasi serta mencari jalan penyelesaian dalam mengatasi masalah ini. Penekanan dalam menyelesaikan masalah gangguan halusinasi dalam kalangan pelajar menggunakan perspektif Islam adalah suatu tuntutan dalam Islam.

